

Penyampai : Y.BHG TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
Tajuk : MAJLIS PERAYAAN ULANG TAHUN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA YANG KE-45  
Lokasi : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
Tarikh : 22-06-2001

Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar,

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka,

Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Aziz Deraman,

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berusaha Haji Abu Bakar Mohamad,

Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka,

Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua Bahagian,

serta saudara-saudara warga Dewan yang saya hormati.

Assalamu'alaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini di dewan yang saya kira cukup bersejarah ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana sudi mengundang saya untuk sama-sama meraikan sambutan ulang tahun DBP yang ke-45 ini.

Majlis memperingati ulangtahun kelahiran DBP seperti yang dianjurkan pada hari ini saya rasa mempunyai manfaatnya yang tersendiri, lebih-lebih lagi bagi organisasi seperti DBP yang bergerak di atas falsafah dan wawasan negara untuk jangka panjang. Masyarakat dalam negara perlu terus disedarkan tentang kewujudan sebuah organisasi yang diberi amanah untuk membentuk budaya melalui satu bahasa ke arah mencapai cita-cita negara. Acara-acara sambutan ulangtahun ini, jika dirancang dan dilaksanakan sebaik-baiknya, akan dapat mendekatkan lagi DBP dengan masyarakat. Saya tertarik dengan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan sepanjang bulan kelahiran DBP ini yang turut disertakan program-program yang bersifat keilmuan. Dialog Peradaban Malaysia yang dianjurkan oleh DBP pada minggu yang lalu misalnya, adalah antara kegiatan yang menunjukkan DBP turut peka terhadap isu-isu semasa yang memerlukan analisis dan pemikiran bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan, Kewujudan DBP selama empat puluh lima tahun boleh kita ibaratkan sebagai seorang individu yang sudah cukup dewasa. Pelbagai cabaran dan pengalaman sudah ditempuhi dalam melaksanakan usaha-usaha pembinaan bahasa dan pengembangan sastera yang menjadi tunjang kewujudannya. Banyak kejayaan yang telah dicapai dan banyak juga teguran dan maklumbalas yang telah diterima dalam konteks pencapaian objektif penubuhannya. Saya kira dalam usia sedewasa ini, sudah tentulah DBP telah, malah seharusnya perlu menilai sejauh manakah pencapaian matlamat DBP sepanjang tempoh tersebut. Apakah kejayaan yang telah dicapai, apakah halangan yang telah dihadapi, dan apakah pula cabaran yang perlu ditangani pada masa depan? Yang lebih penting lagi ialah adakah telah terbentuk satu budaya kerja cemerlang dalam organisasi yang boleh memberi kekuatan kepada DBP untuk menghadapi era globalisasi yang sangat kompetitif? Penilaian semula organisasi ini perlu kerana perubahan-perubahan semasa yang begitu pesat dalam bidang teknologi, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi yang menjadikan aliran maklumat begitu pantas dan meluas serta membawa perubahan pesat kepada masyarakat dan organisasi. Harapan masyarakat telah berubah dan rata-rata menuntut kepada mutu perkhidmatan yang lebih tinggi terhadap organisasi.

Untuk memenuhi tuntutan-tuntutan semasa dan akan datang, saya kira setiap organisasi yang diwujudkan bagi memenuhi harapan rakyat seperti DBP, perlulah menilai semula hala tuju, dasar dan pendekatan yang digunakan selama ini bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam mencapai matlamat penubuhannya serta memenuhi hasrat pelanggannya.

Para hadirin sekalian, Dunia masa kini menyaksikan peranan ilmu dan maklumat yang menjadi sumber kuasa dalam hampir semua hal.

Bangsa yang menguasai ilmu dan maklumat akan lebih mendahului bangsa yang lain. Malah, dalam banyak hal, negara yang menguasai ilmu dan maklumat juga akan mampu menguasai atau mempengaruhi negara lain, baik dalam bidang ekonomi, pertahanan, mahu pun dalam bidang budaya dan cara hidup masyarakat.

Sehubungan dengan itu, penyebaran ilmu dan maklumat kepada masyarakat saya kira harus menjadi agenda yang utama. Penguasaan ilmu dan maklumat inilah yang akan menentukan 'survival' sesuatu bangsa. Pada hemat saya, DBP sebagai sebuah institusi ilmu boleh memainkan peranan penting dalam mewujudkan budaya ilmu di kalangan rakyat negara ini, melalui penghasilan dan penyebaran bahan-bahan ilmu di kalangan masyarakat.

Ilmu kini boleh disebarkan bukan sahaja melalui media konvensional, tetapi dengan cara yang lebih mudah, pantas dan murah melalui media elektronik menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Dengan ini, bukan sahaja pasaran akan bertambah luas, hasil terbitan DBP bukan sahaja dapat dicapai melalui pelbagai saluran, malah bahasa Melayu yang digunakan sebagai media penyebaran maklumat oleh DBP akan meningkat martabatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan, Saya menyokong penuh usaha-usaha ke arah peningkatan budaya ilmu dan gerakan membaca dalam masyarakat kita.

Tradisi ilmu tidak boleh tidak menjadi suatu yang perlu diberi keutamaan bagi kita mencapai status negara maju dua dekad lagi. Hal ini telah dijadikan dasar dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-3 yang memberi penekanan kepada dasar pendidikan sepanjang hayat untuk semua rakyat. Bagi menyokong usaha-usaha mewujudkan masyarakat berilmu ini, khususnya di kalangan pekerja sektor awam, saya rasa amat perlu setiap organisasi sektor awam memperlengkapkan pusat- pusat sumber atau perpustakaan masing-masing dengan buku-buku dan bahan-bahan terbitan lain untuk rujukan.

Program-program galakan perlu juga disusun supaya setiap anggota diberi ruang secukupnya untuk membentuk dan membiasakan amalan membaca secara sistematik sama ada buku ilmu mahupun kreatif.

Langkah-langkah ini diharap akan mendorong kakitangan kerajaan untuk sentiasa meningkatkan ilmu masing-masing melalui pembacaan, yang seterusnya diharap akan membantu mewujudkan budaya ilmu di kalangan pekerja.

Penghasilan bahan-bahan terbitan bermutu dalam bahasa Melayu, yang menggunakan pelbagai media penerbitan akan membantu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan seterusnya bahasa ekonomi yang dapat memainkan peranan berkesan dalam sebuah negara yang maju. Peningkatan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa ekonomi ini saya kira cukup penting kepada bahasa Melayu itu sendiri. Memang benar bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan yang mencerminkan jati diri negara. Memang benar bahasa Melayu ialah bahasa rasmi yang perlu digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan - bahasa urusan rasmi di kalangan jabatan-jabatan kerajaan, bahasa urusan rasmi antara jabatan kerajaan dengan pihak swasta, bahasa urusan rasmi antara jabatan kerajaan dengan segenap lapisan masyarakat di negara ini. Kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi ini memang tidak boleh dipertikaikan. Malah saya ingin menegaskan bahawa penggunaan bahasa kebangsaan hendaklah berjalan lancar dalam urusan rasmi sektor awam, baik pada peringkat pusat, negeri, pihak berkuasa tempatan, malah dalam urusan badan-badan berkanun. Mesyuarat, urusan surat-menyurat, dokumen serta segala bentuk hubungan rasmi di dalam negara hendaklah dibuat dalam bahasa kebangsaan.

Namun demikian, untuk terus relevan dalam era globalisasi ini, bahasa Melayu harus mampu memainkan peranan yang lebih besar, bukan lagi sekadar menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara

ini.

Bahasa Melayu harus diangkat peranannya kembali menjadi bahasa sarana ilmu dan bahasa yang digunakan secara meluas dalam sektor ekonomi. Bahasa yang tidak dapat memainkan peranan sebagai bahasa ilmu dan bahasa ekonomi akan hilang sengatnya, malah mungkin semakin dilupakan dalam era globalisasi ini. Peranannya akan diambilalih oleh bahasa lain yang lebih mampu, yang lebih dinamis sifatnya. Kita tidak mahu bahasa Melayu mengalami nasib yang sedemikian rupa.

Oleh itu usaha-usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa ekonomi ini hendaklah ditingkatkan. Malah lebih daripada itu, sebagai sebuah bahasa yang keempat terbesar di dunia dari segi bilangan penuturnya, yang menjangkau 250 juta orang, bahasa Melayu mampu memainkan peranan yang lebih besar di pentas dunia. Di sinilah saya kira cabaran yang harus sama-sama kita hadapi, khususnya oleh DBP sendiri sebagai badan yang diamanahkan bagi menggerakkan pelaksanaan usaha-usaha meningkatkan martabat bahasa Melayu. Usaha-usaha pengembangan bahasa oleh DBP, baik di dalam negara mahupun ke peringkat antarabangsa melalui pelbagai forum seperti yang telah dinyatakan oleh Dato' Haji Abdul Aziz tadi perlulah diteruskan.

Hadirin yang dihormati sekalian, Saya percaya, Dewan Bahasa dan Pustaka yang dianggotai oleh golongan profesional, dan disokong pula oleh prasarana fizikal yang canggih, termasuk bangunan baru yang sedang dibina, akan dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, DBP mungkin perlu melihat semula halatuju, dasar dan pendekatan yang digunakan bagi mencapai matlamat penubuhannya agar sesuai dengan perkembangan semasa. Peraturan, prosedur dan proses kerja perlu dikaji semula dan diperbaiki, supaya amalan pengurusan menjadi setanding dengan amalan yang terdapat pada organisasi yang bertaraf dunia. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada DBP yang akan dianugerahkan dengan sijil MS ISO 9002 kerana kejayaannya menerapkan budaya kualiti dan produktiviti dalam organisasi. Sistem kualiti seperti ini amat penting dalam usaha pembentukan budaya kualiti yang memberi penekanan kepada kehendak pelanggan. Faktor yang lebih penting ialah ia memberi penekanan khusus kepada pengendalian aduan dari pelanggan. Jika aduan dari pelanggan dapat diberi perhatian yang serius, setiap organisasi akan dapat memperbaiki perkhidmatan secara berterusan melalui tindakan-tindakan pembetulan dan pencegahan. Kejayaan ini hendaklah dianggap sebagai langkah pertama ke arah pembentukan budaya korporat dalam DBP. Saya berharap budaya kualiti ini dapat terus diterapkan ke seluruh organisasi untuk menjadikan DBP sebuah organisasi yang benar-benar dinamik.

Saya juga gembira dan ingin mengucapkan tahniah kerana DBP telah melangkah ke arah era yang lebih maju dalam bidang penerbitan dan penyebaran hasil usahanya.

Penerbitan dan penyebaran dalam bentuk elektronik dan digital telah menjadi sebahagian dari sistem kerja dan diharap akan terus diperluaskan. Projek Karyanet yang merupakan projek usahasama penerbitan dalam talian adalah langkah ke hadapan yang akan membolehkan karya- karya ilmiah, kreatif dan maklumat tentang peradaban Melayu dan negara ini diakses secara dalam talian.

Kepada kakitangan DBP yang akan menerima Anugerah Perkhidmatan 30 dan 35 Tahun pada majlis ini saya ucapkan tahniah dan terima kasih di atas perkhidmatan setia yang dicurahkan. Khidmat bakti saudara-saudara akan tetap dikenang oleh bangsa dan mendapat keredaan dan keberkatan Allah s.w.t. Saya percaya persekitaran kerja yang wujud di DBP dalam suasana mesra dan penuh ukhuwah merupakan faktor pendorong yang memberi kepuasan kepada saudara-saudara untuk melaksanakan tugas dengan tekun sedemikian lama serta begitu setia menabur bakti di DBP. Oleh itu, penghargaan seperti ini adalah sesuatu yang wajar diberikan sebagai menghargai jasa bakti saudara-saudara selama ini.

Seterusnya, saya mendoakan DBP terus maju, berjaya mengharungi cabaran dalam melaksanakan tugasnya.

Kepada warga Dewan, teruskan usaha tuan-tuan dan puan- puan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, bahasa ekonomi, bahasa yang mampu

menjadi sarana komunikasi dalam semua bidang dan sebagai salah satu bahasa utama dunia dalam abad ini. Insya-Allah usaha kita akan diberkati Allah.

Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke- 45 Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wabillahittaufiq walhidayah Wassalaamu'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Terima kasih.